




PELAN STRATEGIK UTeM 2021-2025

Majlis Pemasyhuran
Canselor UTeM Kali Ke-3

Lawatan Kerja
Tun Canselor ke UTeM

SSG Engagement Session
Goal 4

Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang Tahun 2020

Pelaksanaan Pertukaran
Skim Perkhidmatan

Sidang Redaksi

PENAUNG

Masdzarif bin Mahat

KETUA EDITOR

Siti Norani binti Dolah

EDITOR

Zulaikha binti Md Radzai

SIDANG REDAKSI

Ani binti Jaffri

Nurayuni binti Mahabib

Anuarrudin bin Md Soom

Sharifah Intan binti Osman

Mohd Suhairi bin Mohd Saad

Siti Nur Baizura binti Ahmad Buang

JURUGAMBAR

Md Nor bin Mohamad Saleh

Mohd Farid bin Supangi

Asri bin Abu

PEMBACA PRUF

Elfa Laily binti Mohd Tahir @ Mohd Ramli

PENULIS

Ani binti Jaffri

Azrina binti Alwi

Khusairi bin Ramli

Masliana binti Razali

Norhida binti Md Said

Shahrul Anuar bin Ramli

Nurayuni binti Mahabib

Nooraziana binti Dahalan

Raimi Humaira binti Rabu

Sharifah Intan binti Osman

Zainuddin bin Abdul Hamid

Mohd Suhairi bin Mohd Saad

Nur Fazilah binti Mohd Kassim

Mohamad Razali bin Adduman

Ts. Ir. Dr. Mohamad Hafiz bin Harun

Muhammad Afiq bin Aziz @ Abdul Aziz

REKA BENTUK

Ratnasaerah binti Azis

KANDUNGAN

01

SSG Engagement
Session Goal 4:
Competent &
Robust Talent

07

Pelaksanaan
Pertukaran Skim
Perkhidmatan

08

Pengurusan
Surat-Menyurat
Atau Rekod
Menggunakan
DDMS 2.0 di UTeM

12

Bengkel Pelan
Strategik Goal 4:
Competent &
Robust Talent

14

Pelaksanaan Audit
Pensijilan Semula
MS ISO 9001: 2015
Pejabat Pendaftar

16

Majlis
Pemashyuran
Canselor UTeM
Ke-3

17

Lawatan Kerja Tun
Canselor ke UTeM

18

Majlis Jasamu
Dikenang
Meraikan Staf
Yang Bersara dan
Bakal Pesara

20

Anugerah
Perkhidmatan
Cemerlang (APC)
Tahun 2020

23

Pelaksanaan
Peperiksaan Akhir
Dalam Talian

24

Laporan JK Krisis
Menangani
Pandemik
Covid - 19

27

Lawatan Ke Tapak
Projek Pembinaan
Kompleks
Akademik UTeM

28

Sumbangan
Bantuan Bencana
Banjir Kepada Staf
UTeM

29

Perkongsian
Kejayaan PhD

32

Pengalaman
Menguruskan
Dokumen
Persaraan Semasa
PKP

33

Bahagian
Pembangunan
Bakat, Pejabat
Pendaftar

35

Kursus / Bengkel
Bahagian
Pembangunan
Bakat

38

Kursus / Bengkel
Bahagian
Pembangunan
Bakat

41

Melindungi Diri
Daripada Fitnah
Dajjal

Sekapur Sireh

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Segala puji ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat lagi saya coretkan sedikit bicara dalam penerbitan Buletin TERAS edisi pertama tahun 2021. Tahniah saya ucapkan kepada warga sidang redaksi Buletin TERAS kerana berjaya meneruskan usaha dan semangat bagi menjayakan keluaran edisi pertama tahun ini.

Seperti sedia maklum, tahun 2020 sehingga kini melakar sejarah di mana situasi pandemik COVID-19 melanda hingga ke seluruh dunia. Sehubungan itu, pelaksanaan aktiviti, program dan urusan untuk seketika waktu adalah terhad. Walaubagaimanapun, ia telah mendorong seluruh Pejabat Pendaftar untuk lebih berinovasi menghadapi cabaran pandemik global ini dengan lebih tenang dan matang untuk terus maju ke hadapan.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi tahniah kepada semua warga kerja Pejabat Pendaftar atas kegigihan dan komitmen yang cemerlang. Diharapkan usaha sebegini dapat diteruskan. Pejabat Pendaftar perlu menjadi gerbang maklumat kepada semua pihak yang ingin mengetahui tentang UTeM dan berurusan dengan UTeM. Maklumat-maklumat yang dipaparkan di dalam buletin ini diharapkan dapat memberi informasi yang akan meningkatkan lagi kefahaman bagi mereka yang membacanya.

Akhir kata, bersama kita memanjat doa dan pengharapan kepada Allah S.W.T agar wabak COVID-19 ini terus reda dan kita semua terselamat dari segala penyakit dan bencana. Saya berharap agar semua warga Pejabat Pendaftar UTeM mematuhi segala Standard Operating Procedure (SOP) yang telah menjadi norma baharu di dalam kehidupan kita dan bersama-sama kita menangani wabak COVID-19 ini.

Masdzarif bin Mahat
Ketua Pegawai Operasi

Editorial

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmatNya Buletin TERAS edisi ke-29/Jun 2021 berjaya dihasilkan. Buletin yang menyajikan pelbagai perkongsian aktiviti Pejabat Pendaftar ini diharapkan dapat menjadi santapan minda semua pembacanya.

Izinkan saya memanjangkan ucapan penghargaan serta terima kasih kepada sidang redaksi atas kegigihan dan komitmen yang diberikan dalam usaha menerbitkan Buletin TERAS. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua yang telah menyumbang pelbagai artikel dan pengalaman yang diilhamkan serta disalurkan melalui ruang ini.

Buletin ini merupakan satu medium untuk semua staf Pejabat Pendaftar menyalurkan pelbagai bentuk idea penulisan khususnya tentang pelaksanaan program/aktiviti yang memberikan maklumat berkaitan pentadbiran dan perkhidmatan terkini bagi santapan dan perkongsian ilmu kepada semua warga UTeM.

Akhir kata penyimpul bicara, besarlah harapan saya agar Buletin TERAS dapat memberi manfaat untuk semua pembaca. Semoga tahun 2021 akan memberikan kita semangat baru dalam melaksanakan segala yang direncanakan sejurus mengecapi kejaan dan kebahagiaan.

Sekian, terima kasih.

Siti Norani binti Dolah
Ketua Editor
Buletin TERAS Pejabat Pendaftar

Sekalung Tahniah

Di Atas Kenaikan Pangkat Kumpulan
Pengurusan & Profesional
(Pentadbiran)

Universiti ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan TAHNIAH di atas kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai berikut berkuat kuasa mulai 9 April 2021.

PEGAWAI TADBIR GRED N52/ TIMBALAN PENDAFTAR KANAN



Encik Azhar bin Salleh
Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar)



Puan Siti Norani binti Dolah
Pejabat Pendaftar



Puan Suhaili binti Sallehuddin
Pejabat Penolong Naib Canselor
(Pembangunan dan Pengurusan Fasilitas)

PEGAWAI TADBIR GRED N44/ PENOLONG PENDAFTAR KANAN



Puan Norsuhada binti Mansor
Pejabat Pendaftar



Puan Zaihasrah binti Alias
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Semoga dengan kenaikan pangkat ini, pelaksanaan tugas dilaksanakan dengan penuh dedikasi dan komited dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

SSG ENGAGEMENT SESSION

GOAL 4



Muhammad Afiq bin Aziz @ Abdul Aziz
Penolong Pendaftar
Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi

Penulis

Competent & Robust Talent (9 Mac 2021)

Selaras dengan pelaksanaan UTeM's *Seven Strategic Goals* yang merupakan pelan strategik baharu UTeM bagi tempoh 2021 – 2025. Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko (PPSKR) telah menganjurkan program *UTeM's Seven Strategic Goals Engagement Session*. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan penerangan kepada warga UTeM tentang inti pati serta kandungan ketujuh-tujuh sasaran di dalam *UTeM's Seven Strategic Goals*.



Pada 9 Mac 2021, Ketua Pegawai Operasi, En. Masdzarif bin Mahat selaku *goal owner* bagi Goal 4: *Competent & Robust Talent* telah melakukan *engagement session* bertempat di Dewan Auditorium Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Sesi tersebut telah dihadiri oleh lebih daripada 200 orang peserta secara bersemuka dan secara dalam talian.

Pelbagai persiapan telah dilakukan oleh urusetia bagi memastikan sesi tersebut berjalan lancar antaranya adalah perbincangan dengan pihak terlibat, memuktamadkan sasaran, mengenal pasti pelan tindakan serta membuat slaid pembentangan bagi memastikan segala informasi dan maklumat dapat disampaikan kepada para peserta dengan tepat dan jelas.



Antara maklumat yang telah disampaikan semasa sesi tersebut adalah gambaran keseluruhan *Goal 4: Competent & Robust Talent*. Sasaran ini menekankan kepada pembangunan dan pemeraksanaan bakat UTeM bagi melahirkan sumber manusia yang berdaya tahan dan memiliki kompetensi yang diperlukan untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan berkesan sekaligus memberi manfaat kepada universiti, industri dan juga komuniti.



Competent & Robust Talent telah didefinisikan seperti berikut:

“A resilient and passionate staff with right attitude, skill, specific knowledge and ability to perform a designated task effectively”

Perkara lain yang turut dikongsi semasa sesi tersebut adalah statistik sumber manusia di UTeM, kompleksiti perjawatan di UTeM, kerangka dan strategi. Secara ringkasnya *Goal 4: Competent & Robust Talent* mempunyai empat inisiatif strategik seperti berikut:

1

Strengthen academic knowledge and experience that are relevant to the industry and societal needs

2

Enhance competencies for Administrative and Support Staff

3

Enculturing REHAL in UTeM ecosystem

4

Segala maklumat dan informasi berkaitan Develop High Potential Leaders

Keempat-empat inisiatif strategik seperti sasaran serta pelan tindakan bagi tempoh 5 tahun telah disampaikan dengan jayanya oleh En. Masdzarif bin Mahat sepanjang sesi tersebut. Selain itu terdapat juga beberapa soalan daripada peserta yang telah dijawab dan direkodkan bagi tujuan penambahbaikan terhadap *Goal 4: Competent & Robust Talent*. Secara keseluruhannya sesi tersebut telah berjalan lancar dan mendapat sambutan yang menggalakkan.

Adalah diharapkan warga UTeM dapat memahami maklumat dan informasi yang telah disampaikan sekaligus membantu dalam mencapai sasaran-sasaran yang telah ditetapkan. Pegawai yang boleh dihubungi sekiranya terdapat sebarang persoalan berkaitan *Goal 4: Competent & Robust Talent* adalah Pn. Siti Norani binti Dolah (ext: 4029) atau En. Muhammad Afiq bin Aziz @ Abdul Aziz (ext: 2852).

PELAKSANAAN PERTUKARAN SKIM PERKHIDMATAN



Nur Fazilah binti Mohd Kassim
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Penulis

Melibatkan Setiausaha Pejabat Gred N29 (Kontrak), Penolong Akauntan Gred W29 (Kontrak) dan Pembantu Akauntan Gred W19 (Kontrak) sedia ada di Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Bil.5/2020 bertarikh 19 November 2020 telah bersetuju untuk melaksanakan Pertukaran Skim Perkhidmatan melibatkan Setiausaha Pejabat Gred N29 (Kontrak), Penolong Akauntan Gred W29 (Kontrak) dan Pembantu Akauntan Gred W19 (Kontrak) sedia ada di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Pelantikan kontrak ke skim perkhidmatan baharu dilaksanakan melalui tawaran kontrak baharu kepada :

- A** 13 orang penyandang Setiausaha Pejabat Gred N29 (Kontrak) sedia ada ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 (Kontrak);
- B** 11 orang Penolong Akauntan Gred W29 sedia ada ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir (Kontrak); dan
- C** 4 orang Pembantu Akauntan W19 ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) (Kontrak).

Objektif utama pelantikan ke skim perkhidmatan baharu ini adalah untuk memastikan penggunaan sumber manusia dapat dioptimumkan secara produktif dengan mengambil kira fungsi tugas Skim N yang lebih dinamik serta peluang kemajuan kerjaya yang lebih cerah bagi perjawatan tetap.



Satu sesi taklimat oleh Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah diadakan kepada semua staf yang terlibat pada 30 Mac 2021 bertujuan bagi memberi kefahaman yang jelas mengenai implikasi perkhidmatan berikutan daripada pertukaran skim perkhidmatan sedia ada penyandang ke skim perkhidmatan yang baharu seperti penetapan gaji permulaan, pergerakan gaji tahunan, cuti rehat, pembayaran ganjaran dan lain-lain yang berkaitan.

Lanjutan daripada taklimat ini, kesemua **28 staf kontrak** telah bersetuju dengan tawaran pelantikan ke skim perkhidmatan yang baharu dan telah melaporkan diri bertugas pada **6 Mei 2021**.

Dengan pelantikan kontrak ke skim perkhidmatan baharu ini, staf akan terlibat dengan pertukaran penempatan ke Pusat Tanggungjawab yang bersesuaian dengan fungsi dan skop tugas jawatan baharu yang telah dilantik.



Sesi taklimat disampaikan oleh Encik Mohd Nizam bin Pavel, Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar serta penyerahan tawaran pelantikan kontrak jawatan baharu

PENGURUSAN SURAT-MENYURAT ATAU REKOD



Zainuddin bin Abdul Hamid
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi

penulis

Menggunakan *Digital Document Management System 2.0* (DDMS 2.0) DI UTeM

1

DDMS 2.0 hendaklah digunakan untuk semua urusan surat menyurat / rekod di dalam UTeM sahaja

2

Capaian DDMS 2.0 dilakukan melalui url <https://ddms.malaysia.gov.my> dan merujuk Manual Panduan Pengguna Untuk "End User" seperti di lampiran.

3

Semua staf UTeM adalah pengguna "End User" DDMS 2.0 dan perlu meminitkan semua tindakan di dalam sistem. **TIDAK DIBENARKAN** meminitkan di atas surat / rekod fizikal.

4

Setiausaha Pejabat / staf berkaitan menerima surat / rekod fizikal dari luar atau di dalam UTeM.

5

Setiausaha Pejabat / staf berkaitan mengecop tarikh terima surat / rekod dan mengimbas surat dengan menggunakan mesin fotostat untuk dimasukkan ke dalam folder / emel Setiausaha Pejabat / staf berkaitan.

8

6

Setiausaha Pejabat / staf berkaitan membuka DDMS 2.0 untuk menawan surat / rekod yang telah diimbas untuk diminitkan di dalam DDMS 2.0 oleh Ketua PTj / PBU / Timbalan Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan / Timbalan Pengarah / Ketua Bahagian / Ketua Unit / Staf berkaitan.

7

Pegawai Rekod Jabatan / Pembantu Pegawai Rekod Jabatan / Setiausaha Pejabat / staf berkaitan hendaklah memastikan surat / rekod disimpan ke dalam fail yang telah dikenalpasti.

8

Surat / rekod yang dikeluarkan oleh staf di sesebuah PTj / PBU hendaklah ditandatangani dahulu. Setelah ditandatangani, surat / rekod tersebut diimbas untuk ditawan ke dalam DDMS 2.0 dan dihantar melalui sistem kepada penerima di dalam UTeM.

9


Bagi surat / rekod untuk dihantar keluar dari UTeM perlu ditandatangani dahulu dan dihantar menggunakan pos biasa / serahan tangan. Salinan surat keluar hendaklah ditawan dalam DDMS 2.0 dan juga disimpan ke dalam fail berkaitan.

10

Penawanan surat / rekod seperti di Lampiran A – Carta Alir Penawanan Masuk Surat / Rekod / Emel / Faksimili dan Lampiran B – Penawanan Keluar Surat / Rekod / Emel / Faksimili.


PENAWANAN MASUK SURAT / REKOD / EMEL / FAKSIMILI

Lampiran A



PENAWANAN KELUAR SURAT / REKOD / EMEL / FAKSIMILI

Lampiran B



DDMS^{2.0}

DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM

PANDUAN PENGGUNA UNTUK END USER

PERINGATAN

- Pastikan menggunakan browser **Mozilla Firefox** atau **Google Chrome** sahaja.
- Pastikan browser sentiasa dikemaskini pada versi yang terkini
- Untuk pertama kali menggunakan DDMS, perlu membuat "Forgot Password"
- Ciri-ciri Password
 - i. Huruf besar
 - ii. Huruf kecil
 - iii. Nombor
 - iv. Simbol
 - v. 8 – 12 aksara

1

URL DDMS

<https://ddms.malaysia.gov.my>

2

LOG MASUK

3

TAWAN REKOD




Masukkan username:
No. KP@agensi/akronim KF
dan masukkan password.

4

FUNGSI TAWAN REKOD

5

TAWAN REKOD



Klik pada menu
"Records
Management"

6

DDMS 2.0

DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM

PANDUAN PENGGUNA UNTUK END USER

TAWAN REKOD



Pilih fail rekod yang hendak di tawan:
Nama Agensi ->
Fungsi -> Aktiviti ->
Sub Aktiviti ->
Transaksi.

Klik pada butang **"Record"**

7

TAWAN REKOD



1. Paparan skrin untuk memilih rekod/dokumen dipaparkan. Klik butang **"Select records to file"** dan;
2. Pilih rekod/dokumen untuk dimuat naik dan klik butang **"Open"**

8

TAWAN REKOD




Skrin berikut dipaparkan. Pilih jenis rekod dari ruangan **Content Type**.

Masukkan maklumat metadata dan klik butang **OK**.

9

TAWAN REKOD



Skrin muat naik dipaparkan

Rekod telah berjaya ditawan ke sistem DDMS 2.0

10

FUNGSI MINIT REKOD

11

MINIT REKOD



Klik butang **"Minit"** pada menu di sebelah kanan bagi rekod yang telah di-tawan

12

MINIT REKOD



Skrin **"Minit"** di paparkan.

13

MINIT REKOD



1. Klik pada butang **"Agency User"** untuk memilih nama pengguna yang hendak di hantar.
2. Boleh pilih Pre-Defined Minit atau terus type minit di ruangan minit.
3. Minit ini boleh ditandai dengan Keutamaan sebagai rendah, sederhana dan tinggi.
4. Klik butang **"Send"** untuk menghantar Minit.

14

BENGKEL PELAN STRATEGIK GOAL 4



Muhammad Afiq bin Aziz @ Abdul Aziz
Penolong Pendaftar
Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi

Penulis

Competent & Robust Talent (2 November 2020)

Pelan Strategik Baharu UTeM's Seven Strategic Goals telah dibangunkan bagi merangka sasaran, strategi serta pelan tindakan bagi tempoh 2021-2025.



Pejabat Pendaftar di bawah pimpinan Ketua Pegawai Operasi, En. Masdzarif bin Mahat terlibat secara langsung sebagai pemilik Goal 4: *Competent and Robust Talent* telah menganjurkan beberapa siri bengkel bagi membangunkan sasaran tersebut.

Pada 2 November 2020, Pejabat Pendaftar telah menganjurkan bengkel Goal 4: *Competent and Robust Talent* yang memberi fokus untuk memuktamadkan inisiatif strategik yang pertama berkaitan strategi pembangunan staf akademik bagi tempoh lima tahun akan datang.



Bengkel tersebut telah disertai oleh pelbagai pihak berkepentingan melibatkan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Ketua Pegawai Operasi, Pengarah Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik (CAES), Pengarah Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik (PPPA), Pengarah & Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko (PPSKR), Ketua-Ketua Bahagian Pejabat Pendaftar dan beberapa wakil dalam kalangan staf akademik.

Inisiatif strategik yang dirangka khas bagi staf akademik UTeM untuk tempoh 5 tahun yang akan datang ini adalah bertujuan mengangkat taraf staf akademik sebagai *Technology Scholar*. Melalui bengkel tersebut, *Technology Scholar* dalam konteks UTeM's Seven Strategic Goals didefinisikan seperti berikut:



“A person who acquires advanced academic knowledge with industrial experience related to advance manufacturing and computing technology through technology development, industry and society-driven project.”

Hasil daripada definisi ini juga beberapa pelan tindakan telah dirangka antaranya adalah:

1

Meningkatkan bilangan staf akademik yang memiliki PhD.

2

Memperkasa Skim Cuti Belajar, Skim Sangkut Industri, Skim Sabatikal and Skim Pasca Kedoktoran.

3

Meningkatkan bilangan staf akademik yang mendapat pengiktirafan Ir. dan Ts.

4

Meningkatkan bilangan staf akademik yang memiliki pensijilan profesional.

5

Memperkasa pembangunan profesional melalui latihan serta kursus.

6

Meningkatkan penglibatan staf akademik dalam industri dan komuniti.



Pembangunan pelan strategik ini diharap dapat membantu dalam memperkasa dan menaik taraf staf akademik UTeM selaras dengan keperluan semasa dan akan datang. Urusetia mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi pembangunan *Goal 4: Competent and Robust Talent*. Diharap semua pihak dapat memberi sokongan dan sumbangan bagi menjayakan agenda pelan strategik *Goal 4: Competent and Robust Talent* dan *UTeM's Seven Strategic Goals* secara keseluruhannya

PELAKSANAAN AUDIT PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015 PEJABAT PENDAFTAR



Masliana binti Razali
Pembantu Tadbir
Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi

Penulis

Oleh SIRIM QAS
International Sdn. Bhd.
pada 4 - 6 November 2020



Tempoh sah laku bagi Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 adalah selama tiga (3) tahun merangkumi satu (1) kitaran yang mempunyai 3 fasa iaitu Audit Pensijilan, Audit Pengawasan I dan Audit Pengawasan II. Selepas kitaran tersebut selesai Audit Pensijilan Semula perlu dilakukan terhadap organisasi tersebut bagi memperbaharui pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 bagi tempoh sah laku 3 tahun seterusnya.



Tempoh sah laku Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 Pejabat Pendaftar sebelum ini tamat pada 5 November 2020. Justeru itu, Pada 4 hingga 6 November 2020, Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 Pejabat Pendaftar telah dijalankan bagi memperbaharui status sah laku Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 tersebut.



SIRIM QAS International Sdn Bhd telah dilantik sebagai badan pensijilan bagi melaksanakan Audit Pensijilan semula melalui proses tender terbuka yang dilakukan buat kali pertama oleh Pejabat Pendaftar bagi tujuan Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015. Sejumlah lima (5) badan pensijilan telah membida tender terbuka tersebut. SIRIM QAS International Sdn Bhd dipilih berasaskan pengalaman serta kebolehan memenuhi spesifikasi yang diperlukan.

Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 Pejabat Pendaftar yang berlangsung selama 3 hari secara bersemuka (fizikal) di UTeM diketuai oleh Pn. Siti Rahmah Bt Ahmad (Ketua Auditor) dan Pn. Suri Yati Bt Amran (Auditor). Skop pensijilan adalah **“Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)”**

Audit telah dijalankan terhadap semua Bahagian di Pejabat Pendaftar untuk memastikan sistem pengurusan yang dirancang akur dengan semua keperluan standard audit, mencapai objektif organisasi serta mematuhi keperluan undang-undang.

Hasil daripada Audit Pensijilan Semula ini, tiada sebarang penemuan Ketidakkakuran (NCR) atau Peluang Penambahbaikan (OFI) dilaporkan oleh pihak auditor daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd. Bagaimanapun terdapat beberapa teguran berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 secara keseluruhannya dan tindakan akan diambil berdasarkan teguran-teguran tersebut.

Sehubungan itu, Pensijilan MS ISO 9001:2015 Pejabat Pendaftar telah **dapat disambung semula dan diiktirafkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd untuk tempoh tiga (3) tahun akan datang**. Pihak urusetia ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua staf di Pejabat Pendaftar yang telah memberi komitmen sepenuhnya dalam membantu proses Audit Pensijilan Semula ini. Semoga dengan pensijilan semula ini dapat menambahbaik dan meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam pengurusan sumber manusia dan perkhidmatan di Pejabat Pendaftar secara berterusan.



MAJLIS PEMASYHURAN CANSELOR UTeM KE-3



Mohamad Razali bin Adduman
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi

Penulis

Pengisytiharan Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)



Sehubungan itu, satu Majlis Pemasyhuran Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam sebagai Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah diadakan di Dewan Seri Utama, Pejabat Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka pada 5 Mac 2021.

Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Bahagian II, Pegawai Universiti, Seksyen 10 (1) Seorang Canselor hendaklah menjadi ketua Universiti dan hendaklah menguruskan mana-mana Konvokesyen apabila menghadirinya dan hendaklah mempunyai apa-apa kuasa lain dan melaksanakan apa-apa kewajipan lain yang diberikan atau dikenakan ke atasnya oleh Perlembagaan ini atau mana-mana statut, kaedah dan peraturan.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Yang di-Pertuan Agong dengan sukacitanya telah mengisytiharkan bahawa Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam sebagai Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang baharu berkuat kuasa mulai 15 Ogos 2020 hingga 3 Jun 2024.



Hampir 300 orang telah menghadiri majlis ini yang merupakan tetamu dari dalam dan luar Universiti termasuk YAB Ketua Menteri Melaka, YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Exco Kerajaan Negeri (Pendidikan), Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Pro Canselor-Pro Canselor Universiti, Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Tertinggi Universiti, Pegawai-Pegawai Kanan dan Ahli Senat Universiti serta Jawatankuasa Pelaksana Majlis.



LAWATAN KERJA TUN CANSOLOR KE UTeM



Mohamad Razali bin Adduman
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi

penulis

Lawatan Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam,
Yang di-Pertua Negeri Melaka



Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka, telah dilantik sebagai Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang ketiga oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkuat kuasa selama 4 tahun mulai 15 Ogos 2020 hingga 3 Jun 2024.

Selaras dengan lantikan tersebut, maka satu lawatan kerja ke UTeM telah diadakan pada 24 Mac 2021 (Rabu) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, Bangunan Canselori, Kampus Induk, UTeM bagi tujuan menerima taklimat ringkas daripada wakil-wakil yang berkaitan mengenai perancangan dan pembangunan Universiti, Koperasi UTeM dan BAKUTeM.



Lawatan kerja tersebut turut disertai oleh YBhg. Datuk Dr. Sabirin bin Ja'afar, Pro Canselor UTeM dan diiringi oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, pihak Pengurusan Tertinggi Universiti dan juga ahli Majlis Eksekutif Universiti serta wakil dari pihak UTeM Holdings Sdn. Bhd., Koperasi UTeM dan Badan Kebajikan staf UTeM (BAKUTeM).

MAJLIS JASAMU DIKENANG



Ani binti Jaffri
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Sumber Manusia

Penulis

Meraikan staf yang bersara
dan bakal pesara



Sejambak Kasih, Sekalung Budi

Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah meraikan pesara pada setiap tahun selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2011 yang telah diguna pakai menerusi Pekeliling Bendahari Bil. 6 Tahun 2011 : Peraturan Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara.

Peraturan perbelanjaan untuk meraikan pesara yang telah digariskan dalam Pekeliling Bendahari Bil. 6 Tahun 2011 adalah seperti berikut :

JAMUAN

Kadar penyediaan jamuan untuk staf yang bersara dan jemputan adalah tidak melebihi RM30.00 seorang. Bilangan jemputan hendaklah dihadkan kepada mereka yang benar-benar perlu sahaja.

CENDERAMATA

Staf yang bersara boleh diberikan cenderamata yang sesuai. Kadar keseluruhannya tidak melebihi RM400.00 seorang.

SIJIL PENGHARGAAN

Staf yang bersara boleh diberikan sijil penghargaan.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

- 1** Staf yang layak dirai terdiri daripada staf yang bersara wajib, bersara atas sebab kesihatan dan bersara pilihan;
- 2** Bagi pesara pilihan, staf hendaklah telah berkhidmat dengan Kerajaan/Universiti tidak kurang daripada 15 tahun; atau
- 3** Bagi pesara yang bersara atas sebab kesihatan, staf boleh dirai tanpa mengambil kira tahun perkhidmatan staf.



Seramai sembilan belas (19) orang pesara bagi tahun 2020 yang memenuhi syarat telah diraikan pada Majlis Jasamu Dikenang yang diadakan pada 08 April 2021 bertempat di Bilik Jamuan Utama, Canselor. Sembilan belas (19) orang pesara tersebut terdiri daripada tujuh (7) orang pesara wajib dan dua belas (12) orang pesara pilihan. Majlis yang pada awalnya dirancang untuk dilaksanakan pada 03 November 2020 terpaksa ditunda beberapa kali kerana situasi Perintah Kawalan Pergerakan yang tidak mengizinkan.



Majlis ringkas, namun penuh erti ini diadakan sebagai tanda penghargaan serta ucapan terima kasih yang tidak terhingga pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka kepada staf yang bersara di atas segala khidmat bakti, pengorbanan, jasa dan budi para pesara berikan di sepanjang perkhidmatan khususnya di UTeM. Pesara telah menerima cenderamata berupa Plaque bernilai tidak melebihi RM400.00 seorang dan sijil penghargaan sebagai tanda ingatan serta kenang-kenangan dari Universiti.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim, Naib Canselor UTeM, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Presiden UTeMASA, Presiden PRAKTIS, Pengerusi KEKUTeM dan wakil BAKUTeM. Senarai pesara yang diraikan adalah seperti berikut :

PERSARAAN WAJIB

	YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Mohd Razali bin Muhamad Profesor Gred Khas A (VK5) Bersara wajib : 03 Januari 2020
	YBhg. Profesor Dato' Dr. Abu bin Abdullah Profesor Gred Khas A (VK5) Bersara wajib : 09 Mac 2020
	Profesor Dr. Ahmad Rozelan bin Yunus Profesor Gred Khas C (VK7) Bersara wajib : 21 Mei 2020
	KPL/PB Kasron bin Beseth Pengawal Keselamatan Kanan / Koperol Polis Bantuan Gred KP14 Bersara wajib : 16 Jun 2020
	YBhg. Profesor Datuk Dr. Izaidin bin Abdul Majid Profesor Gred Khas C (VK7) Bersara wajib : 03 September 2020
	YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi Profesor Gred Khas A (VK5) Bersara wajib : 24 Oktober 2020
	KPL/PB Hasimah bin Hashim Pengawal Keselamatan Kanan / Koperol Polis Bantuan Gred KP14 Bersara wajib : 18 November 2020

PERSARAAN PILIHAN (SEKSYEN 12, AKTA 239)

	Profesor Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin Profesor Gred Khas B (VK6) Bersara pilihan : 01 Januari 2020
	Profesor Madya Dr. Syed Najmuddin bin Syed Hassan Profesor Madya Gred DS54 Bersara pilihan : 02 Januari 2020
	Encik Aziz bin Yahya Pensyarah Kanan Gred DS52 Bersara pilihan : 02 Januari 2020
	INSP/PB Saharuddin bin Shriff Penolong Pegawai Keselamatan Kanan / Inspektor Polis Bantuan, Gred KP32 Bersara pilihan : 16 Mac 2020
	Encik Hamidon bin Yaacob Penolong Pegawai Perubatan Kanan Gred U32 Bersara pilihan : 02 Julai 2020
	Puan Faridah binti Md Amin Pustakawan Gred S54 Bersara pilihan : 06 Julai 2020
	Encik Muhammad Muzaini bin Sahary Penolong Jurutera Kanan Gred JA36 Bersara pilihan : 01 Ogos 2020
	Profesor Madya Ir. Dr. Rosli bin Omar Profesor Madya Gred DS54 Bersara pilihan : 01 September 2020
	LAr Abdul Wahab bin Harun Arkitek Landskap Kanan Gred J52 Bersara pilihan : 01 September 2020
	Encik Mohd Fadzil bin Zulkifli Pensyarah Gred DS45 Bersara pilihan : 05 Oktober 2020
	L/KPL/PB Ithnain bin Majid @ Abdullah Pengawal Keselamatan Kanan / Lans Koperol Polis Bantuan, Gred KP14 Bersara pilihan : 25 November 2020
	Puan Fouziah binti Ramli Jurutera Kanan Gred J44 Bersara pilihan : 01 Disember 2020

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2020



Norhida binti Md Said
Pembantu Tadbir Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Penulis

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)



Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Bil.1/2021 yang bersidang pada 29 Mac 2021 telah bersetuju meluluskan seramai 152 orang staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2020.

APC merupakan satu bentuk penghargaan kepada staf yang telah memberikan perkhidmatan serta komited dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Penganugerahan ini merupakan penyubur semangat bagi seluruh warga UTeM dalam memberikan perkhidmatan yang lebih baik selain dapat mewujudkan persaingan secara sihat ke arah peningkatan kecemerlangan dalam perkhidmatan awam.

Kaedah pemberian APC adalah merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2012 (Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang) dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002 (Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Awam).

Staf yang dianugerahkan akan diberikan insentif dan hadiah seperti berikut:

1

Sijil perkhidmatan cemerlang.

2

Diberi insentif dalam bentuk wang tunai berjumlah Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) sahaja.

3

Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjah kebesaran Persekutuan dan negeri.

Ringkasan penerima APC tahun 2020 berdasarkan kumpulan di UTeM adalah seperti di jadual:

KUMPULAN	BILANGAN PENERIMA	PERATUSAN (%)
Jusa/Gred Khas	0	0
Kumpulan Pengurusan & Profesional (Akademik)	62	40.8
Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbiran)	22	14.4
Kumpulan Pelaksana	68	44.8
JUMLAH:	152	100

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua penerima. Semoga penganugerahan ini menjadi cetusan dorongan kepada semua warga UTeM untuk terus berusaha mempertingkatkan produktiviti dan hasil kerja yang lebih baik pada masa akan datang.

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2020

KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

Prof. Madya Ts. Dr. Umar Al – Amani bin Haji Azlan

CANSELORI

Khairul Razik bin Mohamad Isa
 Nordiana binti Md Lamin
 Mohamad Helmy bin Anuar

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

Zulaiha binti Md. Ali
 Azlinah binti Ajis
 Mohammad Isham bin Ishak
 Jalaludin bin Mohd Diah

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(PENYELIDIKAN & INOVASI)**

Zulkifli bin Ishak

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR)**

Abdul Musyrif bin Mohamad Khalil
 Abdul Halim bin Mohamad Noh
 Hamzah bin Sirun
 Nurul Syamimi binti Norazmi
 Siti Nurbaizura binti Omar
 Abdul Rahman bin Kamis
 Muhamad Faizal bin Mazli

**PEJABAT PENOLONG NAIB CANSOLOR
(JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT)**

Madiah binti Daud

**PEJABAT PENOLONG NAIB CANSOLOR
(PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN FASILITI)**

Siti Rohana binti Omar
 Ir. Dr. Mohd Rayme bin Anang Masuri
 Mohamad Yusof bin Mohamad Dan
 Mudzaffar bin Mazelan
 Nur Muhamad Firdaus bin Nor Azman
 Azlan bin Ahmad
 Tc. Mohd Khairul Akmal bin Mohd Noor
 Aspalilatul Ikmar binti Ghafar
 Soffian bin Hashim
 Siti Nurulfaiezah binti Mohd Yatim
 Khairul Zaki bin Raman
 Muhammad Ajlan bin Abu Chik
 Mohd Nor Azman bin Mustapa
 Norzam bin Sukari
 Ahmad Fakarudin bin Mat Jais
 Mohammad Faizal bin Sahar
 Borhan bin Mohd Yusof
 Redzuan bin Kamaludin
 Mustafah bin Abd Malek
 Mohd Zahid bin Md Noh
 Asiah binti Ahmad

PUSAT PEMBUATAN TERMAJU

Prof. Madya Dr. Mohd Juzaila bin Abd. Latif

PEJABAT PENDAFTAR

Siti Salwah binti Ahmad
 Azrina binti Alwi
 Laila Zahidah binti A. Rahman
 Zamani bin Salleh
 Khairul Asikin bin Che Men
 Noor Izzati binti Abd Jalal
 Abdul Azim bin Azahari

PEJABAT BENDAHARI

Nazrin binti Aziz
 Mohamad Jumairi bin Mohamad Yosoff
 Aslinda binti Suandi
 Muhammad Fahmi Izzudin bin Isa
 Khuzaipah binti Khamis
 Zulridah binti Zulkefle
 Norsaliza binti Bahri

PPEJABAT KETUA PEGAWAI MAKLUMAT

Nur Jannah binti Hasimi

PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

Nurul Akmar binti Mehat
 Mohd Razif bin Dzulkpli
 Ezra Anish binti Mustapa
 Nor Aini binti Md Jali

**PUSAT PERKHIDMATAN PENGETAHUAN DAN
KOMUNIKASI**

Rafidah binti Kasim
 Hisamudin bin Kamarudin
 Arif Zafrie bin Mohamad
 Sarimah Nor binti Miskam
 Roslita binti Jaafar
 Khairunnisak binti Mazlan

PENERBIT UNIVERSITI

Faradila binti Md Yusof
 Ahmad Masmuliyadi bin Mohd Yusof

PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

Mohamad Fuad bin Ja'afar

**FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK & KEJURUTERAAN
KOMPUTER**

Ts. Dr. Noor Shahida binti Mohd Kasim
 Dr. Farah Shahnaz binti Feroz
 Dr. Muhammad Idzdihar bin Idris
 Dr. Noor Azwan bin Shairi
 Ir. Dr. Ridza Azri bin Ramlee
 Dr. Fakrulradzi bin Idris
 Hairulisam bin Md Dom
 Norhayati binti Hj. Mahat

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Ts. Dr. Hazriq Izzuan bin Jaafar
 Dr. Junainah binti Sardi
 Dr. Nur Ilyana binti Anwar Apandi
 Dr. Azziddin bin Mohamad Razali
 Dr. Ezreen Farina binti Shair
 Dr. Loh Ser Lee
 Arfah binti Ahmad
 Mohd Yusri bin Jamil
 Normalisza binti Mustapa

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Dr. Nadlene binti Razali
 Dr. Nurhidayah binti Ismail
 Dr. Juffrizal bin Karjanto
 Dr. Nidzamuddin bin Md. Yusof
 Dr. Amrik Singh A/L Phuman Singh
 Mohd Hanif bin Harun
 Hairul Nezam bin Wahid
 Mohd Kamil Anuar bin Akram @ Jummah
 Asrulhafiz bin Dzulkifli

FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN

Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Amran bin Md Ali
 Dr. Isa bin Halim
 Prof. Madya Dr. Muhammad Hafidz Fazli bin Md Fauadi
 Noor Asyikin binti Sulaiman
 Nurhayati binti Mohd Shariff
 Hasnorizal bin Hairuddin
 Mohd Farihan bin Mohammad Sabtu

FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

Prof. Madya Ts. Dr. Ahmad Naim bin Che Pee @ Che Hanapi
 Ts. Dr. Sarni Suhaila binti Rahim
 Ts. Dr. Lizawati binti Salahuddin
 Ts. Dr. Yahaya bin Abd Rahim
 Ts. Dr. Zulkiflee bin Muslim
 Ts. Dr. Sazalinsyah bin Razali
 Ts. Dr. Ngo Hea Choon
 Dr. Sheikh Faisal bin Abdul Latip
 Sharifah Nurul Faridah binti Syed Abu Bakar
 Fauzura binti Mohd Salleh
 Jasmi bin Johari

FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWANAN

Prof. Madya Dr. Mohd Syaiful Rizal bin Abdul Hamid
 Dr. Nusaibah binti Mansor
 Dr. Murzidah binti Ahmad Murad

INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN

Mahathir bin Mazizan

FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK

Ts. Maslan bin Zainon
 Dr. Fara Ashikin binti Ali
 Dr. Suhaila binti Mohd Najib
 Ts. Dr. Mohd Syafiq bin Mispan
 Norlezah binti Hashim
 Nurul Ashikin binti Mohd Rais
 Nurliyana binti Abd. Mutalib
 Ts. Mohd Anuar bin Adip
 Rohaina binti Jaafar
 Nurul Kausar binti Ab Majid
 Kamilah binti Jaffar
 Tc. Mohd Zulfadli bin Samian
 Tc. Nasaruddin bin Seman
 Noor Faiez Fahmi bin Hamir

FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN PEMBUATAN

Prof. Madya Ts. Dr. Lau Kok Tee
 Ts. Dr. Mohd Basri bin Ali
 Ts. Dr. Nazri Huzaimi bin Zakaria
 Dr. Khairum bin Hamzah
 Ts. Nor Azazi bin Ngatiman
 Ts. Khairul Amri bin Tofrowaih
 Nur Farah Bazilah binti Wakhi Anuar
 Ts. Shikh Ismail Fairus bin Shikh Zakaria
 Ts. Mohd Faez bin Zainol
 Tc. Mohd Syakir Bin Mohtarudin
 Tc. Zulkifli Bin Jantan
 Tc. Mohd Zahirulza'im bin Samin
 Nik Asmah binti Nik Aziz

PUSAT PEMBANGUNAN BAHASA

Dr. Zawiah binti Mat
 Dr. Muliati binti Sedek
 Dr. Zanariah binti Jano
 Nor Lailatul Azilah binti Hamdzah
 Jamalindah binti Wahid

PUSAT PENGURUSAN STRATEGIK, KUALITI DAN RISIKO

Ts. Dr. Abdul Karim bin Mohamad

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Prof. Madya Ts. Dr. Tee Boon Tuan
 Anisah binti Zainal

PUSAT ISLAM

Muhammad Asyraf bin Sulaiman

PUSAT PEMBANGUNAN PERUSAHAAN DAN TEKNOUSAHAWANAN

Ir. Ts. Anuar bin Jaafar

PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN

Norma Baharu Pasca Covid - 19

Peperiksaan Akhir Dalam Talian telah diadakan berdasarkan Pekeliling Bilangan 10 Tahun 2020. Pada 10 Februari 2020, pelaksanaan Peperiksaan Akhir Semester dalam norma baharu ini telah berjaya dilaksanakan. Bagi memastikan pelaksanaan peperiksaan akhir dalam talian ini dipantau dengan baik, Makmal Komputer Fasa B di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan telah dijadikan Pusat Operasi peperiksaan.



Setiap pensyarah akan memulakan dan memantau peperiksaan dari pada Pusat Operasi ini. Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), Pusat Sumber & Teknologi Pengajaran (PSTP) dan Pusat Perkhidmatan Pengetahuan & Komunikasi (PPPK) pula bertugas setiap hari bagi memastikan pelaksanaan peperiksaan ini diselia dengan baik.




Mohd Suhairi bin Mohd Saad
Pembantu Tadbir
Bahagian Pengurusan Akademik

Penulis



Sepanjang 2 minggu peperiksaan ianya telah melibatkan sebanyak 359 kursus berbanding 166 kursus pada kali pertama diadakan pada Semester II-2019/2020. Secara keseluruhannya sebanyak 99.6% pelajar telah hadir dalam talian untuk menduduki peperiksaan. Bakinya 0.4% tidak dapat hadir kerana masalah kesihatan dan lain-lain.



Statistik yang ditunjukkan ini menggambarkan kejayaan pelaksanaan Peperiksaan Akhir Dalam Talian kali yang kedua dilaksanakan di UTeM. Alhamdulillah kejayaan ini terakam dengan usahasama dan gembeleng tenaga semua pihak terutamanya PSTP yang menyediakan platform peperiksaan akhir dalam talian yang dikenali sebagai *Exam* portal, PPPK yang menyediakan data pelajar, begitu juga sumbang saran dan idea dari kalangan pensyarah telah memantapkan platform ini dan menjayakan pelaksanaan Peperiksaan Akhir secara dalam talian pada Semester I-2020/2021 dengan berkesan.

LAPORAN JK KRISIS MENANGANI PANDEMIK COVID-19



Azrina binti Alwi
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi

Penulis

FACTS & FIGURES COVID-19 DI UTeM

FACTS & FIGURES



Notis Arahan Dalaman (NAD) **30**

10 (2020), 20 (2021) NAD dikeluarkan bermula Mac 2020 sehingga Jun 2021. NAD terkini Bilangan 30 - Pelaksanaan Pengoperasian Dalam Tempoh Pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mulai 15 Jun 2021 Hingga 28 Jun 2021 Di UTeM



Pekeliling/Surat Pekeliling/Surat Edaran **25**

12 (2020), 2 (2021) Pekeliling Pentadbiran
3 (2020), 1 (2021) Pekeliling Akademik
4 (2020), 1 (2021) Surat Pekeliling Pentadbiran
2 (2020), 0 (2021) Surat Edaran Pentadbiran



Prosedur Operasi Standard (SOP) **24**

17 (2020), 7 (2021) SOP yang berkaitan dengan pencegahan Penularan COVID-19 di UTeM
(SOP Pergerakan Kemasukan Pelajar Berkeperluan, SOP Penguatkuasaan dll)



**PELAPORAN BILANGAN
DAN STATUS PELAJAR
DAN STAF UTeM
BERHUBUNG
COVID-19
(MULAI JAN 2021)**

AKTIVITI PENGUATKUASAAN SOP BERMULA 1 JUN 2021

COVID-19

DI UTeM

Disediakan oleh:

**PEJABAT KESELAMATAN PEKERJAAN &
KELESTARIAN ALAM SEKITAR**



SOLAT JUMAAT & SOLAT FARDHU



MINGGU PERTAMA

- ☐ Solat Jumaat: Jemaah yang dibenarkan 100 orang
- ☐ Solat Fardhu: 20 orang

MINGGU KEDUA DAN KETIGA

- ☐ Jemaah yang dibenarkan 12 orang

Semua warga UTeM mematuhi peraturan ini



PENYEDIAAN MAKANAN DI ASRAMA



LESTARI & SATRIA

- ☐ Menggunakan konsep *buffet*
- ☐ Untuk memberi kepelbagaian lauk kepada pelajar
- ☐ SOP Kementerian Pengajian Tinggi (31.5.21) memaklumkan penyediaan makanan secara *pack food*
- ☐ Makanan asas telah dibuat secara *pack food* dan lauk tambahan diambil oleh pekerja kafeteria



AKTIVITI PENGUATKUASAAN SOP BERMULA 1 JUN 2021

COVID-19

DI UTeM

Disediakan oleh:

**PEJABAT KESELAMATAN PEKERJAAN &
KELESTARIAN ALAM SEKITAR**



SUKAN



- ☐ Ketidakpatuhan kepada SOP rekreasi dan sukan
- ☐ Pelajar bermain *contact sports*
- ☐ Kebenaran SOP hanya untuk jogging dan senaman



PELUPUSAN SISA KLINIKAL



- ☐ Telah dibuat pada 28 Mei 2021
- ☐ Pelupusan sisa klinikal di Kampus Induk
- ☐ Jumlah agak tinggi oleh kerana pelupusan PPE bagi pelajar kembali ke kampus di awal semester dan setelah cuti Hari Raya Aidilfitri



LAWATAN KE TAPAK PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS AKADEMIK UT_eM



Sharifah Intan binti Osman
Ketua Pembantu Tadbir
Bahagian Pengurusan Akademik

Penulis


Bahagian Pengurusan
Akademik,
Pejabat Pendaftar



19 Mac 2021

Lawatan tapak projek pembinaan Kompleks Akademik, Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah diadakan pada hari ini. Lawatan yang bermula pada jam 2.30 petang itu dihadiri oleh Pengurusan Kanan Pejabat Pendaftar dan kakitangan staf Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar.

Turut hadir adalah jurutera dan pegawai dari Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti, UT_eM. Projek pembangunan ini menempatkan bilik kuliah dalam kapasiti 150 hingga 300 pelajar dalam satu-satu masa, bilik jubah konvokesyen dan juga Pejabat Pentadbiran Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar.



Kompleks ini dijangka akan mula digunakan pada bulan Julai 2021. Apabila siap kelak, Kompleks ini akan digunakan untuk proses pengajaran dalam bilik kuliah yang melibatkan kursus-kursus berkapasiti besar. Kompleks Akademik ini yang dibina di kawasan hijau Universiti dikelilingi dusun durian dijangka akan memberi dimensi baru kepada pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu kedudukan yang bersebelahan dengan Dewan Canselor memudahkan proses peminjaman dan pemulangan jubah dan pengurusan perjalanan majlis konvokesyen.

SUMBANGAN BANTUAN BENCANA BANJIR



Raimi Humaira binti Rabu
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi

Penulis

Bantuan kepada staf UTeM



Prihatin dengan nasib yang menimpa staf, Pejabat Pendaftar bersama Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat) Badan Kebajikan UTeM (BAKUTeM) baru-baru ini tampil menghulurkan bantuan kepada mangsa terlibat.

Sumbanga berbentuk peralatan dan keperluan asas rumah seperti beras, biskut, lampin bayi, milo, kicap, baldi, mop dan sebagainya telah disumbangkan pada 24 Mei 2021 yang lalu kepada 37 orang staf yang terkesan dengan banjir.

Selain daripada itu, Tabung Amal Jariah (TAJAR) juga telah menyumbang wang tunai sebanyak RM300 kepada setiap seorang staf yang terlibat dengan bencana banjir bagi membantu meringankan beban.



PERKONGSIAN KEJAYAAN PhD



Ir. Ts. Dr. Mohamad Hafiz Bin Harun
Pensyarah Kanan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Penulis

Syukur Alhamdulillah kerana Allah SWT telah mempermudah segala urusan pengajian PhD saya. Saya memulakan coretan perkongsian kejayaan PhD ini dengan ucapan ribuan terima kasih kepada ayahanda Hj. Harun Bin Darus, bonda Hj. Fuziah Binti Harun, isteri Nazatul Suhana Binti Ishak, anak-anak M. Adam Mukmin, M. Imran Mukmin, M. Irfan Mukmin, ahli keluarga, guru-guru, rakan-rakan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), penyelia PhD iaitu Prof. Ir. Ts. Dr. Pakharuddin Bin Mohd Samin, Dr. Saiful Anuar Bin Abu Bakar dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Prof. Madya Khisbullah Hudha dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) di atas tunjuk ajar, panduan dan titipan doa kejayaan PhD saya.

Ucapan terima kasih juga kepada Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia di atas segala kemudahan yang diberikan sepanjang pengajian PhD ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk berkongsi pengalaman kejayaan menamatkan pengajian PhD secara GoT (*Graduate on Time*). Tanggal 3 Mac 2020 merupakan tarikh keramat penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal daripada Universiti Teknologi Malaysia.

Di dalam coretan ini, saya akan kongsi pengalaman kejayaan pengajian PhD berdasarkan tiga keadaan iaitu sebelum, semasa dan selepas pengajian PhD. Sebelum memulakan pengajian PhD, pemilihan penyelia perlu dilakukan. Pemilihan penyelia ini penting bagi menilai prestasi penyeliaan, penyelidikan dan penulisan penyelia tersebut.

Terdapat beberapa kaedah pemilihan penyelia iaitu melalui website, media sosial dan cadangan daripada rakan-rakan yang telah berjaya menamatkan pengajian PhD. Pertemuan dan perbincangan dengan bakal penyelia perlu dilakukan agar kita dapat menilai prestasi penyelia secara menyeluruh. Di samping itu, pertemuan ini dapat memberi gambaran sebenar kepakaran dan keperluan penyelidikan penyelia tersebut adalah selari dengan kajian yang akan dilakukan semasa pengajian PhD nanti. Dalam pengajian PhD ini, semua penyelia saya adalah merupakan penyelia yang telah bersama-sama saya sejak dari peringkat pengajian sarjana muda dan sarjana lagi. Ini memudahkan proses komunikasi dua hala antara saya dan penyelia bagi mencapai objektif pengajian PhD ini.

Persediaan mental dan fizikal juga penting sebelum memulakan pengajian PhD. Sesi kajian penyelidikan yang dianjurkan oleh pihak UTeM kepada bakal calon PhD adalah baik dengan memberi pendedahan awal pengajian PhD. Sesi perkongsian pengalaman pengajian PhD daripada penceramah dan pensyarah UTeM sedikit sebanyak memberi gambaran awal pengajian PhD yang bakal ditempuhi. Cadangan tatacara yang patut dilakukan oleh pelajar PhD semasa sesi ini amat membantu bagi mengekalkan momentum pengajian PhD. Antara tatacara tersebut adalah mulakan hari dengan bersenam. Bersenam menjadikan badan kita sihat dan otak yang cerdas.

Saya memulakan pengajian PhD di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor pada 7 September 2017 sehingga 6 September 2020. Tajuk kajian PhD saya adalah *“Rollover Warning System for Tractor-Semitrailer using a Modified Odenthal Rollover Index”*. Semasa pengajian PhD, saya memperuntukkan 5 hari bekerja di makmal kampus UTM dan UPNM manakala hari minggu bersama keluarga di Melaka. Dengan peruntukan lebih masa bekerja, saya dapat menumpukan perhatian kepada proses pembelajaran dan penyelidikan agar proses pengajian PhD berjalan lancar dan berjaya.

Saya kongsi rutin kehidupan saya di kampus sepanjang pengajian PhD ini. Setiap pagi saya akan bangun pada jam 5.30 pagi untuk bersolat tahajjud memohon kepada Allah agar dipermudahkan segala urusan pengajian PhD. Jika berkesempatan saya akan menunaikan solat subuh berjemaah di masjid. Amalkan sedekah pagi walaupun dengan RM 1.00 seperti yang disarankan oleh para ustaz dengan niat untuk membantu fakir miskin dan pahalanya disedekahkan kepada ibu bapa dan umat islam yang masih hidup atau yang telah meninggal dunia. Sebelum melakukan aktiviti penyelidikan dan pengajian, mulakan dengan solat dhuha. Mudah-mudahan dengan berkat solat dhuha segala urusan pengajian PhD pada hari tersebut berjalan lancar dan berjaya.

Permulaan sesi pagi saya di makmal bermula dengan penerangan berkaitan kemajuan kajian PhD kepada penyelia. Setiap hari penyelia akan memantau kemajuan kajian PhD saya. Pada waktu petang saya akan meluangkan masa untuk bersenam bagi meningkatkan tahap kecergasan diri. Pada waktu malam, selepas solat isyak saya akan tidur awal agar bertenaga untuk bangun awal pada esok hari. Selain rutin harian ini, saya juga memperuntukkan masa untuk berekreasi bersama keluarga dan rakan-rakan. Aktiviti ini penting bagi mengurangkan tekanan sepanjang pengajian PhD dan mampu meningkatkan motivasi diri untuk meneruskan aktiviti kajian di makmal.

Rajah 1:
Aktiviti ujikaji menggunakan simulator pemandu



Rajah 2:
Aktiviti ujikaji pada kenderaan sebenar



Bagi memenuhi keperluan bergraduat, UTM telah menetapkan syarat minimum untuk bergraduat iaitu menerbitkan 2 prosiding berindeks *Scopus* atau 1 jurnal berindeks *Scopus*. Oleh itu, bagi memenuhi keperluan ini, saya memulakan aktiviti menulis jurnal pada semester 1 agar dalam tempoh 3 tahun, semua prosiding dan jurnal tersebut dapat diterbitkan.


Setelah mendapat penemuan terbaru hasil daripada kajian PhD ini, saya telah melengkapkan jurnal untuk dihantar ke jurnal berindeks ISI (*International Scientific Indexing*) yang lebih spesifik kepada bidang kajian bagi memastikan penemuan terbaru ini disahkan dan diiktiraf oleh pakar dalam bidang kajian PhD. Hasil daripada maklum balas pakar kajian amat penting bagi meningkatkan kualiti penulisan jurnal dan tesis PhD saya.

Selain daripada penulisan jurnal, hasil daripada kajian PhD ini turut dipertandingkan dalam pertandingan inovasi. Pada bulan Februari 2020, produk daripada kajian PhD ini telah menyertai pertandingan inovasi *Malaysia Technology Expo* (MTE) 2020 dan berjaya mendapat anugerah perak. Secara keseluruhannya, sepanjang pengajian PhD ini, saya telah menghasilkan 2 jurnal berindeks ISI, 3 jurnal berindeks *Scopus*, 1 prosiding berindeks *Scopus* dan 1 produk inovasi.

Setelah melengkapkan aktiviti kajian di makmal, penulisan tesis PhD telah dilakukan. Semasa proses penulisan tesis, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan pada 18 Mac 2020. Dalam tempoh PKP ini pelajar tidak dibenarkan menjalankan sebarang aktiviti di kampus. Oleh itu, saya menulis tesis dari rumah. Semasa di rumah, disiplin belajar perlu agar saya dapat menguruskan masa sebaik mungkin. Dalam tempoh PKP ini saya dapat menyiapkan tesis seperti yang telah ditetapkan oleh penyelia.

Setelah proses penghantaran tesis, persediaan perlu dilakukan untuk sesi pembentangan tesis (VIVA). Sebelum proses VIVA, bahan-bahan pembentangan perlu disediakan mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh pihak UTM. Latihan pembentangan perlu dilakukan beberapa kali bersama penyelia agar kandungan pembentangan tepat dan padat mengikut masa yang ditetapkan. Penyediaan soalan jangkaan daripada pemeriksa perlu disediakan lebih awal agar lebih yakin semasa proses soal jawab bersama pemeriksa. Sebelum hari pembentangan tesis, pastikan tidur awal dan segala catatan dan bahan pembentangan telah tersedia. Semasa proses pembentangan tesis dan sesi soal jawab bersama pemeriksa, berikan tumpuan yang penuh kepada soalan yang dikemukakan oleh pemeriksa dan minta izin untuk menjawab. Ini bagi memastikan jawapan yang diberikan tepat dan memenuhi kehendak pemeriksa. Ketenangan mental dan fizikal adalah perlu agar atmosfera sesi VIVA tenang dan berjalan lancar.

Rajah 3:
Sesi pembentangan tesis bersama pemeriksa dan penyelia



Rajah 4:
Simbolik penyerahan tesis kepada penyelia Prof. Ir. Ts. Dr. Pakharuddin Bin Mohd Samin



Di akhir perkongsian ini, saya akan kongsi nasihat dan kata-kata hikmat yang saya amalkan sepanjang pengajian PhD ini. Sering ringankan tulang untuk membantu kerana apabila kita mudahkan urusan seseorang, Allah akan permudahkan urusan kita. Berbuatlah kebaikan, kebaikan akan datang kepada kita. Selalu berbuat baik dan doakan kesejahteraan ibu bapa kerana tiada hijab doa dari ibu bapa. Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan. Patah sayap bertongkat paruh, patah paruh bertongkatkan siku, patah siku bertongkatkan dagu, patah dagu bertongkatkan kuku. Membujur lalu melintang patah. Fikirkan boleh.

PENGALAMAN MENGURUSKAN DOKUMEN PERSARAAN SEMASA PKP



Shahrul Anuar bin Ramli
Pembantu Tadbir
Bahagian Sumber MAnusia

penulis

Semua staf pasti berhadapan dengan cabaran dalam melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan dalam tempoh pandemik yang berlanjutan sehingga ke hari ini.

Saya dari Unit Rekod dan Persaraan (URP), Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar ingin berkongsi pengalaman dalam menguruskan rakan-rakan UTeM yang bersara wajib, pilihan dan yang meninggal dunia dalam perkhidmatan.

Bagi memastikan dokumen-dokumen persaraan lengkap dikemukakan kepada pihak Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) KWAP, saya dan team URP telah menjemput staf yang bakal bersara hadir ke Bahagian Sumber Manusia untuk membuat semakan dokumen persaraan mereka serta menyampaikan taklimat ringkas berhubung faedah-faedah persaraan. Sesi pertemuan ini telah diaturkan dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti. Bagi bakal pesara yang mempunyai masalah kesihatan pula, kami mengambil inisiatif untuk pergi ke rumah staf untuk mendapatkan dokumen-dokumen berkaitan.

Setelah dokumen persaraan staf yang berkaitan lengkap, proses seterusnya ialah mendapatkan kebenaran merentas negeri dari UTeM ke KWAP, Cyberjaya daripada Balai Polis yang berhampiran. Dokumen-dokumen ini perlu dihantar secara serahan tangan bagi mengelakkan berlaku kecaciran dan kelewatan dokumen diterima oleh pihak KWAP.



Syukur Alhamdulillah, semua proses berjalan lancar dan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) telah mengeluarkan surat Kelulusan Persaraan kepada semua staf tersebut.



BAHAGIAN PEMBANGUNAN BAKAT



Nurayuni binti Mahabib
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pembangunan Bakat

Penulis

Pejabat Pendaftar



CARTA ORGANISASI BPB

Bahagian Pembangunan Bakat (BPB) dikemudikan oleh Encik Mohd Azmi bin Mat Said dan disokong oleh dua (2) seksyen di bawahnya iaitu:

1

Seksyen Kecemerlangan Bakat

- Unit Pelan Penggantian
- Unit Kompetensi
- Unit Latihan & Penjanaan

2

Seksyen Cuti Belajar

- Unit Biasiswa Akademik
- Unit Pengembangan Kerjaya & Pematuhan Kontrak

FUNGSI UNIT PELAN PENGGANTIAN

- Dasar & Pelaksanaan Laluan Kerjaya Akademik Pelbagai (LKAP).
- Pelan penggantian pentadbir/akademik.
- Pengurusan Latihan Kepimpinan (4 Jawatan Utama Pentadbir).
- Pembangunan Profil / Sistem Individual Berpotensi.
- Merancang kemajuan kerjaya bakat melalui pelantikan secara Khas Untuk Penyandang Peringkat Dalam (KUPD).
- Latihan Pegawai Utama Universiti mengikuti latihan kepimpinan anjuran AKEPT.
- Pelantikan NC, TNC & PNC.
- Pelantikan Pentadbir Akademik.
- Pelantikan Pendaftar, Bendahari, Ketua Perpustakaan, Penasihat Undang-undang.

FUNGSI UNIT KOMPETENSI

- Mengurus dan mengendalikan Sistem Pembangunan Profesional Berterusan (e-CPD).
- Menyemak dan memproses borang tuntutan mata CPD ke dalam Sistem CPD.
- Mengkaji dan menambahbaik aktiviti CPD.
- Menyediakan laporan pencapaian CPD tahunan.
- Pembangunan, Pengurusan dan Pelaksanaan *Program Individual Development Plan (IDP)* bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional.
- Pembangunan, Pengurusan dan Pelaksanaan *My Competency Profile (MyCP)* bagi kumpulan Pelaksana.
- Pembangunan, Pengurusan dan Pelaksanaan Pembangunan Bakat Berasaskan Kompetensi (*MyTalent*) bagi staf Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana

FUNGSI UNIT BIASISWA AKADEMIK

- Mengurus permohonan Skim Cuti Belajar bagi staf akademik.
- Mengurus permohonan pelanjutan cuti belajar staf akademik.
- Mengurus penerimaan perjanjian cuti belajar staf akademik.
- Permohonan/Menguruskan Elaun Biasiswa Cuti Belajar.
- Menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Cuti Belajar.
- Mengeluarkan Surat Jaminan Kewangan.
- JK Kursus Kaedah Penyelidikan.
- Perlaksanaan Kursus Kaedah Penyelidikan (KKP).
- Pengurusan Skim *Post-Doctoral*.
- Pengurusan Skim *Fellowship*.

FUNGSI UNIT LATIHAN & PENJANAAN

- Merancang dan mereka bentuk keperluan latihan kepimpinan dan strategik.
- Menguruskan latihan Pegawai Utama Universiti dan Pensyarah Muda (di bawah 35 tahun) mengikuti latihan kepimpinan anjuran AKEPT.
- Menyelaras penyediaan laporan bulanan dan tahunan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pengurusan universiti.
- Penganjuran kursus-kursus strategik/kepimpinan.
- Melaksanakan program-program kursus/latihan bagi tujuan penjaan seperti yang dirancang.
- Mengurus dan memproses permohonan staf mengikuti kursus/latihan/ seminar/bengkel anjuran agensi luar.
- Mengurus dan memproses permohonan staf mengikuti kursus/latihan ke Luar Negara.
- Menjalankan kursus secara kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan/swasta di peringkat persekutuan dan negeri.
- Menguruskan kursus-kursus pensijilan profesional.
- Menjalankan kursus secara kerjasama dengan PTJ.
- Menyelaraskan keperluan sistem latihan dan penambahbaikan sistem latihan.
- Menyediakan laporan latihan secara berkala untuk KPT/AKEPT dan Universiti.
- Melaksanakan kursus anjuran UTeM.
- Penganjuran kursus UTeM Terbilang (Orientasi & Aku janji).
- Penganjuran Program Transformasi Minda (PTM). Menguruskan pemantauan dan pematuan kehadiran staf menghadiri latihan.
- Mengurus dan mengendalikan Program *Chancellor's Talk* dan *Executive Talk*.

FUNGSI UNIT PENGEMBANGAN KERJAYA & PEMATUHAN KONTRAK

- Skim Sangkut Industri.
- Skim Jurutera Profesional.
- Skim Cuti Sabatikal staf akademik.
- Pematuan kontrak dan tatatertib cuti belajar.
- Pelaksanaan Kursus dan Program.
- *Chartered Engineer* (C.Eng).
- Skim Sangkut Pentadbir (SSP).
- Skim Cuti Belajar Staf bukan Akademik (SCuBBA) /Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)/*Technical and Vocational Education Training* (TVET).
- Skim Pemantapan Penyelidikan.
- Menyalurkan Data *Feder* MYRA.
- Penyelaras ISO BPB.
- Menguruskan penyertaan Program Anjuran Kerajaan Negeri Melaka.
- Menguruskan permohonan Belajar Secara Sambilan.

KURSUS/BENGKEL BAHAGIAN PEMBANGUNAN BAKAT



Nooraziana binti Dahlan
Pembantu Tadbir Kanan
Bahagian Pembangunan Bakat

Penulis

Pejabat Pendaftar

UNIT LATIHAN DAN PENJANAAN
OKTOBER 2020 – DISEMBER 2020
KURSUS DALAM TALIAN

BIL	KURSUS DALAM TALIAN (ONLINE)	TARIKH	PENCERAMAH	HASIL PEMBELAJARAN
1.	KURSUS OH MY ENGLISH! ENGLISH FOR COMMUNICATIVE PURPOSE	18 Nov 2020	Dr. Mohd Fauzi bin Kamaruddin, Dekan PPB	1. Menggunakan Bahasa Inggeris dalam urusan harian atau semasa mengendalikan pelajar luar negara. 2. Menggunakan <i>subject verb agreement</i> dengan betul dan sesuai.
2.	KURSUS PENGURUSAN STRES "HINDAR RESAH, KEJAR BAHAGIA"	26 Nov 2020	Dr. Norida binti Abdullah, Ketua Jabatan Kokurikulum, IPTK	1. Menambahkan pengetahuan berkaitan stres dalam kehidupan. 2. Mengenalpasti faktor penyumbang stres. 3. Meningkatkan daya tahan diri terhadap stres. 4. Menguatkan keyakinan diri dan jati diri. 5. Mengaplikasikan stres kearah kecekapan. 6. Meleburkan stres dan menyuburkan kebahagiaan dalam kehidupan.
3.	KURSUS ENGLISH FOR WORKPLACE COMMUNICATION	2 Dis 2020	Puan Noor Baiduri binti Abd Halim, Pengelaras PPB	Peserta dapat mengekspresikan Bahasa Inggeris yang berkesan untuk memberi maklumat yang jelas dan tepat.
4.	KURSUS HIGH IMPACT MIDDLE MANAGER	18 Dis 2020	Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor, Pengarah Pusat Strategik Penjaan Pendapatan	1. Memahami tentang pentingnya membina karisma dalam bekerja. 2. Sentiasa sedia belajar perkara baru untuk membina ketrampilan diri. 3. Faham tentang konsep 'Growth Mindset'. Sedar tentang kepentingan 'Growth Mindset' demi kemajuan diri dan organisasi. 4. Berani membuat keputusan menggunakan pendekatan yang sistematik. Faham tentang proses dalam membuat keputusan yang baik. 5. Menghayati semangat cadha @keperdulian. Menumbuhkan benih kasih sayang dan 'caring'. 6. Menguasai kaedah untuk detoks minda. Boleh mengamalkan teknik yang diajar dalam kehidupan seharian.

KURSUS SECARA BERSEMUKA

BIL	KURSUS SECARA BERSEMUKA (F2F)	TARIKH	PENCERAMAH	HASIL PEMBELAJARAN
1.	KURSUS STATISTIK : ANALISA DAN INTERPRESTASI DATA	5 – 6 Okt 2020	Dr. Fam Soo Fen, Pensyarah Kanan, FPTT	1. Garis panduan pgunaan statistik yang betul untuk meneroka dan mencari fakta yang tersirat di sebalik data. 2. Kemahiran mengaplikasikan kaedah dan teknik penganalisis statistik yang bersesuaian untuk mencari fakta yang tersirat di sebalik data. 3. Kaedah menganalisis, menafsir dan membuat keputusan yang berkesan dalam pengurusan data-data di tempat kerja.
2.	KURSUS PENGURUSAN TATA TERTIB PEGAWAI KANAN UNIVERSITI	7 Okt 2020	Datuk Azhar Bin Mohamed, Penasihat Undang-Undang UTeM	1. Pendedahan mengenai hal-hal perkhidmatan dalam badan berkanun; 2. Kemahiran dan tugas kawalan dan pengawasan terhadap tingkah laku atau tatatertib; 3. Mempelajari cara-cara pengendalian kes-kes tatatertib di semua peringkat di dalam universiti; 4. Kefahaman mengenai Akta 605.
3.	KURSUS TRANSFORMASI ORGANISASI & INSAN BERINTERGRITI	12 – 13 Okt 2020	Tuan Hj. Long bin Kechik	1. Menganalisis diri dalam konteks kepimpinan diri insan yang cemerlang. 2. Mendorong diri menjadi 'orang baru' yang sanggup menerima perubahan, berfikir positif, berpandangan jauh dan dinamik ke arah kehidupan yang seimbang. 3. Membentuk budaya kepimpinan diri dan organisasi yang bukan hanya berpaksi kepada ibadah tetapi juga berteras kepada dakwah. 4. Membentuk motivasi kepimpinan diri dalam memberi sumbangan ke arah peningkatan profesionalisme, semangat kerja berpasukan dan penghayatan nilai integriti dalam diri dan organisasi. 5. Membentuk rangka tindakan bagi melahirkan insan-insan yang cemerlang.
4.	KURSUS SAY IT BETTER IN ENGLISH	30 Dis 2020	Dr. Muliati binti Sedek, Timbalan Dekan, PPB	1. Kenali setiap cara menggunakan perkataan dalam Bahasa Inggeris. 2. Mengenalpasti kesalahan umum yang sering dibuat. 3. Mengenalpasti fasa penggunaan yang boleh digunakan di tempat kerja.

UNIT LATIHAN DAN PENJANAAN
JANUARI 2021 – MEI 2021
KURSUS DALAM TALIAN

BIL	KURSUS DALAM TALIAN (ONLINE)	TARIKH	PENCERAMAH	HASIL PEMBELAJARAN
1.	KURSUS 5 TEKNIK MUDAH MENANGANI STRES DALAM TEMPOH PKP	19 Jan 2021	Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor, Pengarah Pusat Strategik Penjanaan Pendapatan Moderator: En. Mohd Azmi bin Mat Said Ketua Bahagian BPB, Pejabat Pendaftar	1. Melentur diri dan jiwa untuk membina jati diri yang positif. 2. Mengurus empat elemen dalam diri yang seimbang iaitu fizikal, minda, emosi, dan jiwa untuk jadi insan yang positif. 3. Memperkenalkan lima teknik khusus untuk menangani emosi diri dan memberi pengaruh positif di dalam lingkungan, dll
2.	KURSUS MICROSOFT TEAMS	25 Feb 2021	Puan Rafidah binti Kasim. Peg. Teknologi Maklumat Kanan, PPPK	Mengetahui aplikasi yang terdapat di dalam Microsoft Teams untuk tujuan komunikasi dan perkongsian maklumat.
3.	KURSUS PENGURUSAN EMOSI "KESTABILAN EMOSI, KESEJAHTERAAN MENANTI"	26 Feb 2021	Dr. Norida binti Abdullah, Ketua Jabatan, IPTK	1. Menambahkan pengetahuan berkaitan emosi dalam kehidupan. 2. Mengenal pasti faktor penyumbang emosi. 3. Meningkatkan daya tahan diri terhadap emosi. 4. menguatkan keyakinan diri dan jati diri. 5. Mengaplikasikan emosi positif ke arah kecekapan diri.
4.	KURSUS ASAS PENGGUNAAN CISCO WEBEX UTeM	31 Mac 2021	Encik Al-Qais bin Alias, Peg. Teknologi Maklumat Kanan, PPPK	Menjadikan CISCO Webex UTeM sebagai salah satu platform komunikasi dan kolaborasi yang menggabungkan ruang sembang tempat kerja, mesyuarat video, storan fail dan integrasi aplikasi yang berterusan.
5.	KURSUS MINDA KEUSAHAWANAN DALAM PEKERJAAN	3 Mei 2021	Dr. Isma Addi bin Jumbri Peg. Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)	1. Meningkatkan pengetahuan berkaitan 'minda keusahawanan'. 2. Mengenal pasti kepentingan berminda keusahawanan terhadap individu dan organisasi. 3. Meningkatkan nilai diri melalui pendekatan minda keusahawanan. 4. Mengaplikasikan minda keusahawanan dalam sesebuah organisasi.
6.	KURSUS PENGURUSAN OPERASI LESTARI	10 Mei 2021	Prof. Madya Ts. Juhari bin Abd Razak Peg. Pengarah PKPKA	Staf dijangka boleh melaksanakan dan menerajui perubahan yang dapat meningkatkan potensi diri dalam program kelestarian pengurusan operasi berkualiti menyeluruh di peringkat jabatan.

KURSUS SECARA BERSEMUKA

BIL	KURSUS SECARA BERSEMUKA (F2F)	TARIKH	PENCERAMAH	HASIL PEMBELAJARAN
1.	KURSUS PENGURUSAN PENTADBIRAN UNIVERSITI BIL. 1/2021	6 – 8 Apr 2021	1. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor 2. Dr. Zulisman bin Maksom 3. En. Mohd Nizam bin Pavel 4. En. Azhar bin Mohd Salleh 5. En. Misdrom bin Lan 6. Pn. Noorazilah binti Mohamed 7. Puan Murni binti Abu	1. Dapat memperkasakan dan meningkatkan ilmu pengetahuan. 2. Lebih memahami tentang arahan kerajaan dan pekilingan perkhidmatan terkini. 3. Lebih peka dan faham tanggungjawab yang diamanahkan.
2.	KURSUS KEPIMPINAN STRATEGIK	26 – 27 Apr 2021	Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor, Pengarah Pusat Strategik Penjanaan Pendapatan	1. Memahami tentang pentingnya mengurus emosi dalam bekerja. Memperkasa minda untuk tetap tenang ketika menghadapi krisis. Menanam sikap 'Growth Mindset' yang sangat diperlukan oleh pegawai untuk kemajuan diri dan organisasi. 2. Faham tentang konsep wawasan global dan bersedia untuk berubah untuk menghadapi cabaran masa dengan mengamalkan norma baru dalam wawasan global. Boleh membezakan diantara wawasan personal, lokal, dan global. 3. Berani membuat keputusan menggunakan pendekatan yang sistematis. Faham tentang proses dalam membuat keputusan yang baik. 4. Faham dan boleh mengamalkan konsep pengurusan risiko dalam pekerjaan. 5. Boleh memahami prinsip-prinsip yang ada dalam pemikiran aras tinggi. Boleh membezakan diantara proses pemikiran kritis, kreatif, dan inovatif.



UNIT PELAN PENGANTIAN

BIL	BENGKEL	TARIKH	PENCERAMAH	OBJEKTIF
1.	BENGKEL PELAN PENGANTIAN: PENYEDIAAN KOMPETENSI DAN KAEDAH PENILAIAN	26 – 27 Okt 2020	Dr. Amat Taap Manshor CEO, Principle Consultant AJM Academy	1. Mengenalpasti dan menetapkan set kompetensi kepimpinan. 2. Membangunkan rubrik/kamus kompetensi kepimpinan. 3. Menetapkan kaedah penilaian kompetensi kepimpinan.

UNIT KOMPETENSI

BIL	BENGKEL	TARIKH	PENCERAMAH	OBJEKTIF
1.	EXECUTIVE TALK BERSAMA YBHG. DATUK AZMAN ISMAIL	1 Okt 2020	YBhg. Datuk Azman Ismail Pengaruh Urusan Plus Malaysia Berhad	Membicarakan tajuk "Leadership In Steering The Organisation Across Turbulent Times Towards Recovery From Covid-19", Datuk Azman berkongsi pengalaman beliau dalam mengemudi plus Malaysia berhad dalam menghadapi pandemik Covid-19 yang bukan hanya memberi kesan tetapi peluang khususnya kepada warga universiti untuk sentiasa kreatif dan fokus dalam mengaplikasikan teknologi, membina keupayaan dan kompetensi diri serta meningkatkan kreativiti dalam menghadapi cabaran Covid-19.
2.	PENILAIAN My COMPETENCY PROFILE (MyCP) KUMPULAN PELAKSANA	2 – 7 Okt 2020	-	My Competency Profile (MyCP) merupakan satu kaedah penilaian yang dibangunkan untuk membantu perkembangan kerjaya dan kompetensi staf. Ia dirangka khusus bagi memenuhi keperluan kompetensi umum mengikut grad jawatan berdasarkan keperluan organisasi seperti yang telah diluluskan melalui Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Bil. 2/2019.
3.	BENGKEL PEMBANGUNAN PEMFROFILAN KOMPETENSI, MyTALENT UTeM	10 – 11 Mac 2021	-	Mengenalpasti struktur kompetensi UTeM dan membangunkan pemprofilan kompetensi berdasarkan deskripsi tugas staf kumpulan pengurusan dan profesional.
4.	BENGKEL PEMBANGUNAN PEMFROFILAN KOMPETENSI FUNGSIAN SECARA FOKUS GROUP MENGIKUT SKIM, MyTALENT	31 Mac 2021 2 April 2021 6 April 2021 7 April 2021 9 April 2021	-	Memfokuskan kepada mengenalpasti kompetensi mengikut skim dan grad berdasarkan deskripsi tugas pengenalpastian kompetensi bersama penyandang atau wakil skim melalui kaedah perbincangan secara focus group.
5.	PROGRAM PENILAIAN INDIVIDUAL DEVELOPMENT PLAN PENTADBIR GRED 44 BIL. 2/2021	16 Apr 2021 20 Apr 2021 22 Apr 2021 29 – 30 Apr 2021 3 – 31 Mei 2021	-	Program penilaian IDP dilaksanakan bagi menilai dan membuat pengukuran tahap kompetensi umum staf yang dirangka khusus bagi menepati keperluan kompetensi setiap individu staf berdasarkan keperluan organisasi. IDP juga merupakan komitmen dua hala di antara staf dan juga organisasi dalam menetapkan keperluan serta kehendak bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.



MELINDUNGI DIRI DARIPADA FITNAH DAJJAL



Khusairi bin Ramli
Pembantu Tadbir
Bahagian Sumber Manusia

Penulis

Rasulullah SAW telah memberikan panduan kepada umatnya bagi melindungi diri daripada segala fitnah Dajjal. Baginda telah meninggalkan umatnya dengan cara hidup yang sangat jelas, malamnya bagaikan siang, tidak akan ada orang yang menyimpang daripadanya melainkan dia akan celaka. Maka Rasulullah SAW sama sekali tidak meninggalkan kebaikan melainkan telah menunjukkannya kepada umatnya, demikian pula baginda tidak pernah meninggalkan keburukan melainkan telah memberi peringatan kepada umatnya agar meninggalkannya.

Antara perkara yang baginda peringatkan adalah fitnah Dajjal kerana ia adalah **sebesar-besar fitnah yang dihadapi oleh umat ini sampai terjadinya hari kiamat**. Sebelum itu, setiap Nabi telah memberikan peringatan kepada umat masing-masing akan wujudnya Dajjal yang buta sebelah mata. Adapun Nabi Muhammad SAW secara khusus diperintahkan untuk memberikan peringatan yang lebih, dan Allah Taala telah banyak menjelaskan mengenai sifat-sifat Dajjal kepada baginda agar umatnya sentiasa berwaspada. Sesungguhnya Dajjal akan keluar kepada umat ini, kerana umat ini adalah umat yang terakhir dan Muhammad SAW adalah penutup para Nabi. Berikut adalah sebahagian panduan yang Nabi SAW tinggalkan kepada umatnya agar selamat daripada fitnah yang besar ini, di mana kita perlu sentiasa memohon kepada Allah agar memberikan keselamatan dan melindungi kita semua daripadanya.

1

Berpegang teguh dengan agama Islam dan membentengi diri dengan keimanan, mengenal nama-nama Allah dan sifat-sifat-Nya yang mulia yang tidak ada sesuatu pun bersekutu padanya. Maka seseorang itu akan mengetahui bahawa Dajjal adalah manusia biasa yang makan dan minum, dan bahawa Allah Taala disucikan daripada semua itu. Sesungguhnya Dajjal buta sebelah matanya manakala Allah tidak buta. Sungguh, tidak akan ada orang yang dapat melihat Rabb-nya sehingga dia mati, manakala Dajjal akan dilihat oleh manusia ketika dia keluar, baik orang mukmin mahupun orang kafir.

2

Memohon perlindungan daripada fitnah Dajjal, terutamanya ketika solat (dibaca doa ini dalam tasyahhud akhir, sebelum memberi salam pada setiap solat fardu dan solat sunat, yakni salah satu tempat mustajabnya doa dalam solat). Telah diriwayatkan dalam beberapa hadith sahih tentangnya. Antaranya yang diriwayatkan oleh Al-Syaikhān dan Al-Nasā'ī, daripada 'Ā'ishah Radiallahuanha bahawa Rasulullah SAW berdoa di dalam solatnya dengan doa:

"Allāhumma innī a'ūdzubika min 'adzābil qabr, wa a'ūdzubika min fitnatil masīhid dajjāl..."

Maksudnya: "Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu daripada siksa kubur, dan aku berlindung kepada-Mu dari fitnah Al-Masih Ad-Dajjal. . ."


[Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī dan Ṣaḥīḥ Muslim]

Diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhārī Rahimahullah, daripada Mus'ab, dia berkata, "Sa'd pernah memerintahkan lima perkara dan menyebutkannya daripada Nabi Sallallahu alaihi wasallam, bahawa baginda memerintahkannya. . . (antaranya):

"Wa a'udzubika min fitnatid dunyā..."

Maksudnya: "Dan aku berlindung kepada-Mu daripada fitnah dunia. . ." (yakni daripada fitnah Dajjal)."

[Sahīh Al-Bukhārī]



Memaksudkan dunia dengan Dajjal merupakan satu isyarat bahawa fitnah Dajjal adalah sebesar-besarnya fitnah yang terjadi di dunia. [Fath Al-Bārī]

Imam Muslim rahimahullah meriwayatkan daripada Abū Hurayrah Radiallahuanhu, dia berkata:

"Rasulullah SAW bersabda (yang bermaksud), 'Jika salah seorang di antara kalian bertasyahhud, maka mohonlah **perlindungan kepada Allah daripada empat perkara** dengan mengucapkan, **'Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari siksa neraka, siksa kubur, fitnah kehidupan dan kematian, dan daripada kejahatan fitnah Dajjal'**".

[Sahīh Muslim]

Imam Tāwūs Rahimahullah memerintahkan anak lelaki agar mengulangi solat sekiranya dia tidak membaca doa ini dalam solatnya. [Sahīh Muslim]

Ini adalah dalil yang menunjukkan semangat para salafus soleh dalam mengajar anak-anak mereka untuk mengamalkan doa yang agung ini.

Al-Saffārī rahimahullah berkata, "Antara hal yang wajar bagi setiap alim adalah hendaklah dia menyebarkan hadith-hadith tentang Dajjal kepada anak-anak, kaum wanita dan kaum lelaki. . . dan telah diriwayatkan bahawa antara tanda-tanda keluarnya (Dajjal) adalah meninggalkan penyebutannya di atas mimbar." Hingga kata-kata beliau, "Terutama pada zaman kita sekarang ini, di mana telah banyak fitnah dan cubaan, sementara syiar-syiar Islam telah banyak yang lenyap, yang sunnah dianggap bidaah sementara yang bidaah menjadi syariat yang diikuti. *Lā hawla walā quwwata illā billāh.*" [Lawāmi 'Al-Anwār Al-Bahiyah]

3

Menghafal beberapa ayat daripada surah Al-Kahfi.

Nabi SAW telah memerintahkan untuk membaca ayat-ayat di awal surah Al-Kahfi untuk menghadapi Dajjal, dan dalam sebahagian riwayat, ayat-ayat di akhir surah tersebut, yakni dengan membaca sepuluh ayat daripada awalnya atau sepuluh daripada akhirnya. Antara hadith-hadith yang menjelaskan hal itu adalah apa yang diriwayatkan oleh Imam Muslim Rahimahullah daripada hadith Al-Nawwās bin Sam'an yang panjang (yang bermaksud):

"Barangsiapa antara kalian bertemu dengannya, maka bacakanlah kepadanya permulaan surah Al-Kahfi."

[Sahīh Muslim]

Imam Muslim Rahimahullah meriwayatkan pula daripada Abū Al-Dardā' Radiallahuanhu, bahawa Nabi SAW bersabda (yang bermaksud):

"Barangsiapa hafal sepuluh ayat daripada awal surah Al-Kahfi, maka dia akan dijaga daripada Dajjal."

Maksudnya daripada fitnahnya.

Imam Muslim Rahimahullah berkata, “Syu’bah berkata, ‘Pada akhir-akhir surah Al-Kahfi, Al-Hammam berkata, ‘Daripada awal surah Al-Kahfi.’” [Sahih Muslim]

Al-Nawawi Rahimahullah berkata: “Sebab hal itu adalah keajaiban-keajaiban dan tanda-tanda kekuasaan Allah yang ada pada permulaan surahnya. Maka barangsiapa merenunginya, nescaya dia tidak akan terkena fitnah Dajjal, demikian pula di akhirnya, iaitu firman Allah Taala (yang bermaksud): ‘Maka adakah orang-orang kafir menyangka bahawa mereka mengambil. . .’ [Al-Kahfi: 102]”

[Sahih Muslim]

Ini adalah di antara keistimewaan surah Al-Kahfi. Telah diriwayatkan beberapa hadith yang menggalakkan untuk dibaca surah ini terutamanya pada hari Jumaat.

Al-Hākim Rahimahullah meriwayatkan daripada Abū Sa’īd al-Khudrī Radiallahuanhu bahawa Nabi SAW bersabda (yang bermaksud):

“Sesungguhnya orang yang membaca surah Al-Kahfi pada hari Jumaat, nescaya dia akan diterangi oleh cahaya di antara dua Jumaat.”

[Mustadrak Al-Hākim]

Tidak diragukan bahawa surah Al-Kahfi memiliki kedudukan yang agung, kerana di dalamnya terdapat ayat-ayat yang sangat menakjubkan seperti kisah Ashabul Kahfi, kisah Musa bersama Khidir, kisah Dzu Al-Qarnayn dan usahanya membina tembok penghalang besar yang menutupi Ya’jūj dan Ma’jūj, menetapkan adanya hari kebangkitan, tiupan sangkakala, dan penjelasan mengenai orang-orang yang rugi amalnya, mereka adalah orang-orang yang mengira bahawa mereka berada dalam petunjuk padahal mereka adalah orang yang berada dalam kesesatan dan kejahilan.

Maka sudah seharusnya bagi setiap muslim untuk bersemangat dalam membaca surah ini, menghafalnya, dan mengulang-ulangnya, terutama pada sebaik-baiknya hari di mana matahari terbit, iaitu hari Jumaat.

4

Melarikan diri daripada Dajjal dan menjauhinya, dan lebih utama ialah menetap di Makkah atau Madinah.

Telah dijelaskan dalam hadith sahih riwayat Imam Muslim bahawa Dajjal tidak akan mampu masuk ke dalam Dua Tanah Haram (yakni kota Makkah dan kota Madinah). Maka ketika Dajjal keluar hendaklah seorang muslim menjauhkan diri daripadanya kerana berbagai syubhat juga hal-hal di luar biasa yang sangat menakjubkan yang telah Allah berikan kepadanya sebagai ujian kepada manusia. Dajjal akan mendatangi seseorang yang meyakini ada keimanan di dalam hatinya, akan tetapi pada akhirnya dia akan mengikuti Dajjal. Hanya kepada Allah-lah kita memohon semoga Dia melindungi kita dan seluruh kaum muslimin daripada fitnah Dajjal.

Imam Ahmad, Abū Dāwūd, dan Al-Hakīm Rahimahumullah meriwayatkan daripada Abū Al-Dahma’ Rahimahullah, dia berkata, “Aku mendengar ‘Imrān bin Husayn Radiallahuanhu meriwayatkan sebuah hadith, dia berkata, ‘Rasulullah SAW bersabda:

“Barangsiapa mendengar kedatangan Dajjal, maka hendaklah dia menjauhkan diri daripadanya. Demi Allah, sesungguhnya seseorang mendatangnya padahal dia menganggap bahawa dirinya adalah seorang mukmin, lalu dia mengikutinya kerana banyaknya syubhat yang menyertainya, atau tatkala syubhat menyertainya.”

[Al-Fath Al-Rabbānī, Sunan Abī Dāwūd dan Mustadrak Al-Hākim]

[Dipetik daripada terjemahan kitab Asyrāt al-Sā’ah (Tanda-Tanda Hari Kiamat), karya Yūsuf bin ‘Abdillāh bin Yūsuf al-Wābil]



 Album Aidilfitri

RAYA PKP 2021

Tahniah *Raikan cinta....*



2 Oktober 2020
Mohamad Aszeri bin Ramli
Intan Norsyafika binti Abu

Langit membentang warnanya biru
Datang hujan menimpa batu
Selamat menempuh hidup baru
Moga bahagia sepanjang waktu




27 Disember 2020
Muhammad Hariz bin Mohd Abid
Nur Izzatie binti Hashim



13 Februari 2021
Siti Hafizah Nur binti Sabarudin
Mahathir Muhammad bin Salim

Ahmad Al Aman
bin Mohd Zaidan

Tarikh lahir: 18 Okt 2020
Nama ibu:
Farra Syakila binti Norahmad



Nur Qaisara Medina
Binti Mohamad Helmy

Tarikh lahir: 29 Okt 2020
Nama bapa:
Mohamad Helmy bin
Anuar



Tahniah

Lahirmu sangat dinanti-nanti
Lahir mu penuh berseri-seri
Cahaya mata anugerah Illahi
Semoga menjadi penyejuk hati

Mikayla Amanda
Binti Mohd Alwi

Tarikh lahir: 22 Dis 2020
Nama ibu:
Masliana binti Razali

